

03 JUN 2003

PBTM-Rumah

PBTM MOHON TANAH KERAJAAN NEGERI BINA RUMAH

KOTA BAHARU, 3 Jun (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) akan memohon tanah daripada kerajaan negeri bagi membina rumah kos rendah untuk anggotanya di seluruh negara.

Presiden PBTM Datuk Mohamad Ghani berkata permohonan itu akan dikemukakan secepat mungkin oleh pengerusi persatuan di setiap negeri.

"Saya yakin permohonan itu akan diluluskan dengan segera memandangkan hampir 80 peratus bekas tentera tidak memiliki rumah sendiri," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Setakat ini, 200,000 bekas tentera menganggotai PBTM di seluruh negara manakala 148,000 daripadanya aktif menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Mohamad berkata keprihatinan kerajaan melalui Pakej Strategi Baru Ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, akan membantu anggota PBTM memiliki rumah sendiri.

Mohamad yang juga Pengerusi PBTM Kelantan, berkata persatuan sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai untuk penempatan anggotanya, termasuk di Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai dan Rantau Panjang.

Sekiranya tanah berkenaan diluluskan kerajaan negeri, kontraktor yang terdiri daripada anggota Dewan PBTM, Koperasi Bekas Angkatan Tentera dan kontraktor yang terpilih akan membina rumah berkenaan.

Katanya fasa pertama sebanyak 300 unit rumah kos rendah, dijangka dibina di Kelantan.

Anggota PBTM yang layak boleh membuat pinjaman dengan bank yang diluluskan oleh kerajaan, katanya.

-- BERNAMA

ANM BD LAT